

BERITA HARIAN

Najib sedia jumpa lagi Dr Mahathir

Ahli Umno diminta bertenang, terus beri keyakinan kepada usaha kembalikan semula kekuatan BN



DATUK Seri Najib Razak bersedia berjumpa sekali lagi dengan Tun Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan tindakan terbaru bekas Perdana Menteri itu keluar daripada parti.

Sambil melahirkan rasa terkejut dan sedih terhadap keputusan Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri berharap, ahli parti bertenang dan terus memberi keyakinan kepada usaha mengembalikan semula kekuatan parti yang menerajui Barisan Nasional (BN).

"Saya berasa terkejut dan sedih. Tun Dr Mahathir begitu banyak berjasa dan sumbangannya kepada parti dan negara sungguh tak ternilai.

"Saya sudah mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir sebelum ini dan sanggup berjumpa sekali lagi untuk berbincang mengenai tindakan terbarunya ini," katanya, semalam.

Najib, menyatakan demikian kepada wartawan Malaysia di bilik penginapan beliau di sini, semalam selepas rundingan dua hala dengan beberapa pihak dalam usaha mengukuhkan perdagangan dan pelaburan Malaysia pada hari kedua Forum Ekonomi Dunia (WEF) Mengenai Asia Barat yang diadakan di sini.

telefon dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai perkara itu beliau menegaskan, adalah penting bagi kerajaan BN untuk terus menunaikan amanah dan tanggungjawab seperti dikehendaki rakyat.

"Selama ini, segala masalah berbangkit diselesaikan melalui tindakan dalam Umno dan tidak di luar Umno. Umno adalah parti keramat orang Melayu dan tonggak kepada perjuangan bangsa Melayu sejak sekian lama dan pada masa akan datang.

"Kita tidak boleh membiarkan isu dalaman Umno mengganggu-gugat tanggungjawab kita kepada rakyat," katanya.

Beliau juga akan terus berbincang dengair Perdana Menteri terhadap usaha pengukuhan parti serta peralihan kepemimpinan seperti diarahkan Presiden parti sebelum ini.

Najib berkata, beliau akan menaikan umrah selepas ini seperti dijadualkan walaupun ada pihak mahukannya terus pulang ke Malaysia.

Beliau juga berkata, Malaysia berharap rundingan dengan Amerika Syarikat berhubung Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) dapat dimuktamadkan sebelum pentadbiran negara berkenaan tamat tempohnya.

"Walaupun kita tidak menetapkan tempoh bila rundingan dapat diputuskan, namun yang jelas rundingan ini-menguntungkan kedua-dua pihak dan bagi Malaysia ia juga penting kerana Amerika adalah pasaran eksport terbesar negara," katanya.

Sementara itu, pada majlis perjumpaan dengan pelajar Malaysia di Me-

“Saya berasa terkejut dan sedih. Tun Dr Mahathir begitu banyak berjasa dan sumbangannya kepada parti dan negara sungguh tak ternilai. Saya sudah mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir sebelum ini dan sanggup berjumpa sekali lagi untuk berbincang mengenai tindakan terbarunya ini”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

sir yang diadakan di Kaherah, kira-kira 500 kilometer dari sini, malam kelmarin, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan akan meminta Penerbangan Malaysia mengkaji kemungkinan mengadakan semula penerbangan Kuala Lumpur-Kaherah yang dihentikan pada 2006 selepas



BINCANG: (Dari kiri) Menteri Luar Mesir, Ahmed Abul Ghelt; Timbalan Menteri Luar Russia, Alexander Sultanov; Menteri Luar Jordan, Nader Dahabidan Menteri Luar Turki, Ali Babacan pada hari kedua Forum Ekonomi Dunia (WEF) Mengenai Asia Barat yang diadakan Sharm El-Sheikh, semalam.

syarikat penerbangan nasional itu mengalami kerugian.

Beliau berkata, jika syarikat penerbangan Egypt Air boleh mengadakan penerbangan itu kenapa MAS sendiri tidak berbuat demikian apabila perniagaannya sudah semakin baik.

"Oleh kerana kedudukan kewangan MAS semakin kukuh, saya akan minta pengurusannya mengkaji semula laluan itu," katanya.

Najib berkata, jika MAS bercadang mengadakan semula perkhidmatan itu, tambangnya perlu berpatutan untuk menarik minat pelancong dan

jika boleh tambang khas untuk pelajar disediakan.

Pada masa ini kira-kira 7,000 pelajar Malaysia melanjutkan pengajian tinggi di Mesir yang mengikuti pengajian Islam, selain perubahan dengan sebahagian besarnya atas pembiayaan sendiri.